

Hati-hati sindiket jual barangan elektrik



Mohd Ridzuan meminta orang ramai berhati-hati dengan syarikat yang menawarkan barangan elektrik tidak setimpal dengan harga. FOTO Shahnaz Fazlie Shahrizal

Zuhainy Zulkiffli
am@metro.com.my

PASUKAN khas ditubuhkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang untuk menyiasat tindakan syarikat memaksa pengguna membeli barangan elektrik tidak setimpal dengan harga.

Syarikat yang beroperasi menerusi jurujual di pusat beli belah di negeri itu mempunyai modus operandi yang menyamai sindiket gores dan menang.

Pengarahnya, Mohd Ridzuan Abdul Ghapar berkata, siasatan mendapati syarikat itu menyasarkan individu berusia 40 tahun dan ke atas dengan menawarkan pelbagai hadiah barangan elektrik.

Menurutnya, mangsa didekati jurujual dan memaklumkan syarikat mereka baru beroperasi serta menawarkan hadiah bagi memperkenalkan syarikat itu kepada orang ramai.

"Mangsa kemudian dibawa ke meja jualan dan diminta menekan skrin telefon pintar milik jurujual yang mempunyai satu aplikasi.

"Aplikasi itu akan berputar dan menunjukkan jumlah wang yang dimenangi antara RM1,000 dan bagi memenangi hadiah itu mangsa perlu membeli tiga barang pada harga RM4,999," katanya pada sidang media di Georgetown hari ini.

●hd Ridzuan berkata, mangsa akan dipujuk bagi membuat pembayaran sama ada menerusi wang tunai, kad debit atau kredit.

"Kita harap orang ramai yang pernah menjadi mangsa tampil membuat tuntutan menerusi Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) selain membuat laporan polis.

"Orang ramai juga dinasihatkan berhati-hati dengan taktik jualan seperti itu serta berfikir dulu sebelum membuat pembayaran," katanya.

Sejak 1 Januari hingga semalam, 17 laporan berhubung kes itu dibuat menerusi TTPM dengan jumlah tuntutan RM71,764.29.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 3 Oktober 2019 @ 12:55 AM

